

17/10/1998

Sedia batal kawalan (HL)

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan, Malaysia sedia menarik balik peraturan kawalan tukaran asing jika wujud sistem kawal selia kewangan sejagat yang sempurna.

"Sebaik saja perdagangan mata wang dikawal selia, saya rasa negara seperti China dan Malaysia yang sudah membuat kawalan tukaran asing, boleh memberitahu jika anda mempunyai peraturan sempurna, kita akan menarik balik kawalan tukaran asing.

"Pada peringkat itu nanti, tidak begitu ramai orang akan berupaya bermain tukaran asing dan mengaut keuntungan. Mereka boleh membuat spekulasi tetapi mereka tidak dapat memanipulasikannya," katanya.

Menjawab soalan dalam sesi dialog dengan pemimpin korporat, ahli bank dan akademik di jamuan tengah hari anjuran Nihon Keizai Shimbun Inc di sini, Perdana Menteri menjelaskan, langkah kawalan tukaran asing dan mata wang yang dilaksanakan oleh China dan kemudiannya Malaysia, sudah mula diterima.

Malah, negara dan institusi Barat sendiri yang pada mulanya menolak langkah itu sebagai sesuatu bercorak antipasaran bebas, turut menerimanya.

"Bagi Malaysia, ia sememangnya mendatangkan hasil yang baik kepada ekonomi dalam negara sejak kami melaksanakan kawalan itu bulan lalu.

"Ia telah mewujudkan suasana yang lebih mudah dibuat jangkaan dalam bidang perniagaan dan kami akan meneruskan langkah-langkah itu sehingga masyarakat antarabangsa mengadakan peraturan bagi perdagangan mata wang," katanya.

Malaysia memperkenalkan langkah drastik kawalan berpilih terhadap tukaran asing pada 1 September lalu dan sehari kemudian menetapkan kadar tukaran ringgit kepada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika.

Dr Mahathir yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan lima hari, mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin korporat Jepun diketuai Naib Pengerusi Keidanren, Naohiko Kumagai yang juga Pengerusi Mitsui & Co Ltd. Keidanren ialah persekutuan pertubuhan ekonomi Jepun yang dianggotai ahli perniagaan berpengaruh di negara itu.

Beliau menegaskan, penyeragaman peraturan sistem kewangan sejagat perlu bagi membanteras kegiatan dana lindung nilai dan penyangak mata wang yang memiskinkan banyak negara terutama di Asia. Menurutnya, peraturan dan kaedah kawal selia sistem kewangan dunia yang boleh diguna pakai oleh semua negara, akan menjadikan pasaran kewangan sejagat lebih sihat.

Sehubungan itu, beliau membidas dunia Barat kerana baru sekarang membuka mata mengenai perlunya mengawal kegiatan spekulasi mata wang setelah ekonomi mereka turut tergugat dan kejatuhan dana lindung nilai seperti Long-Term Capital Management (LTCM) yang boleh meragut keseluruhan sistem perbankan Amerika Syarikat.

Dunia Barat, khususnya Amerika Syarikat mula menyedari betapa sistem kewangan dunia perlu dikawal selia apabila jatuhnya LTCM, yang memaksa usaha penyelamat dilakukan bagi mengelak keseluruhan sistem perbankan Amerika Syarikat hancur.

Dalam dialog itu dan ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir menjelaskan secara panjang lebar mengenai rasional tindakan Malaysia memperkenalkan dasar kawalan tukaran asing.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur Jepun, langkah itu tidak bertujuan menyekat pelaburan asing termasuk pelaburan langsung asing (FDI). Pelabur antarabangsa termasuk dari Jepun boleh terus melabur di

Malaysia.

"Apa yang kita lakukan ialah menyekat modal jangka pendek yang bukan membuat pelaburan serius tetapi hanya mahu mengaut keuntungan. Golongan ini memberi tekanan di pasaran saham menyebabkan nilai saham sesebuah syarikat jatuh di bawah paras nilai aset bersih (NTA).

"Sebaliknya, kita masih mengalu-alukan pelaburan dalam sektor produktif seperti pengeluaran barangan untuk kegunaan domestik dan eksport. Dasar terhadap FDI masih kekal.

"Mata wang asing seperti yen, dolar Amerika dan deutchmark (Jerman) masih boleh dibawa masuk ke Malaysia tanpa had jumlahnya. Kita juga tidak menyekat pelabur asing daripada membawa pulang keuntungan mereka,' katanya.

Menurut Perdana Menteri, dalam tempoh sebulan sejak pelaksanaan dasar tukaran asing dengan langkah menyekat pengaliran keluar ringgit, kesan positif sudah mula kelihatan dengan rizab asing meningkat di antara AS\$1.2 bilion (RM4.56 bilion) dan AS\$1.5 (RM5.7 bilion) sepanjang bulan lalu.

Menjelang akhir tahun ini, tambahan kira-kira lebih AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) bagi rizab asing negara dijangkakan. Jumlah keseluruhan rizab asing negara sehingga bulan lalu ialah AS\$20 bilion (RM76 bilion).

Beliau juga berkata, ekonomi negara penerima pakej bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan bukan sahaja tidak pulih, malah semakin buruk.

"Ini dinyatakan sendiri dalam penerbitan IMF yang menyenaraikan 15 negara mencatat prestasi ekonomi paling teruk adalah mereka dibawah rejim IMF seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan," katanya.

(END)